

Ringkasan Eksekutif

Pelaporan dan Pendedahan Dana Politik yang Berkesan: Garis Panduan, Amalan Terbaik, Cabaran dan Pengajaran untuk Malaysia

- Ketelusan dalam pendanaan politik merupakan komponen penting dalam kebertanggungjawaban demokrasi dan langkah utama untuk mencegah rasuah, seperti yang digariskan oleh Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah (UNCAC).
- Walaupun Malaysia mempunyai keperluan pelaporan untuk calon pilihan raya dan parti politik, laporan-laporan ini tidak boleh diakses oleh orang awam dan badan pengawal selia tidak mempunyai mandat yang mencukupi untuk memastikan pematuhan, sekali gus mengehadkan pengawasan dan kebertanggungjawaban. Ketika Malaysia mempertimbangkan untuk memperkenalkan undang-undang mengenai sumbangan politik, ketelusan — yang merangkumi penyimpanan rekod yang teliti, pelaporan yang tepat, dan pendedahan kepada umum — perlu menjadi elemen utama dalam undang-undang tersebut.
- Kertas kerja dasar ini membentangkan norma antarabangsa, amalan ketelusan global termasuk contoh terbaik dari pelbagai negara, serta elemen-elemen utama yang perlu dipertimbangkan dalam ketelusan pendanaan politik. Dapatan kertas kerja ini diharapkan dapat memberi idea kepada para pembuat dasar dan pihak berkepentingan untuk mereka bentuk mekanisme ketelusan yang berkesan dan sesuai untuk Malaysia, termasuk menangani kebimbangan terhadap kemungkinan penderma dan penerima dana menjadi mangsa akibat langkah-langkah ketelusan.
- Sistem pendanaan politik yang dikawal selia dengan baik perlu menjawab beberapa persoalan utama seperti: siapa yang perlu melaporkan, maklumat yang perlu didedahkan, bila laporan perlu dibuat, bagaimana laporan harus dikemukakan, dan di mana data kewangan perlu diterbitkan. Di sesetengah negara, kewajipan pelaporan juga meliputi pihak ketiga seperti penyumbang, penderma, dan pembekal perkhidmatan. Amalan terbaik menunjukkan bahawa laporan kewangan seharusnya dikemukakan secara digital, menggunakan templat piawai, dan boleh diakses menerusi pangkalan data awam. UK, Latvia dan Kanada telah membangunkan model ketelusan yang mengimbangi keperluan pendedahan dengan perlindungan privasi, menawarkan pengajaran berguna untuk Malaysia.
- Walaupun mekanisme ketelusan perlu menyeluruh, kertas kerja dasar ini mengiktiraf bahawa pendekatan secara berfasa dalam melaksanakan langkah-langkah ketelusan boleh membantu menguruskan proses peralihan sambil langkah libat urus bersama pemain politik dan masyarakat sivil dalam membentuk kerangka peraturan yang berkesan. Dengan mengamalkan amalan terbaik antarabangsa, Malaysia boleh memperkukuh ketelusan kewangan, mengurangkan risiko rasuah dan meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap sistem politik.